

JULIE'S MANUFACTURING SDN. BHD.

CHOCO MORE, BOLA MORE

KEJOHANAN BOLA SEPAK PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH

Terma dan Syarat

A. UMUM

1. Julie's Choco More, Bola More adalah kejohanan bola sepak peringkat sekolah menengah yang dianjurkan oleh Julie's Manufacturing Sdn Bhd ("Penganjur").
2. Perlawanan Akhir ("Perlawanan Akhir") akan diadakan pada 17 November 2022 pada jam pukul 03:00 petang (GMT+8).
3. Individu ("Pemegang Tiket") yang memegang tiket ("Tiket") kemasukan ini telah membaca, memahami, bersetuju untuk menerima, dan mematuhi terma dan syarat berikut.
4. Penganjur memelihara hak untuk meminda, mengubah suai, mengemas kini, menukar atau menamatkan perlawanan atau mana-mana bahagian Terma dan Syarat dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis awal. Sebarang pindaan akan berkuatkuasa dengan serta merta.
5. Penganjur memelihara hak mutlak untuk membatalkan, menjadualkan semula dan/atau menempatkan semula acara tersebut sekiranya berlakunya keadaan yang tidak dijangkakan dan Penganjur akan mengikuti garis panduan kerajaan yang sedia ada.
6. Penganjur memelihara hak mutlak untuk tidak membuat bayaran balik atau pampasan, untuk sebarang kemasukan yang ditolakkan dan/atau pengusiran dari tempat pengacaraan, kepada mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi dan/atau melanggar syarat-syarat yang terkandung di sini, di mana kelakuan orang tersebut tidak sesuai dan/atau atas sebab keselamatan.
7. Sekiranya Perlawanan Akhir dibatalkan, ditangguhkan, dan/atau terbengkalai atas sebarang sebab, Penganjur, tanpa tertakluk kepada sebarang bentuk liabiliti dan mengikut budi bicara mutlaknya, berhak untuk menggantikan atau tidak menggantikan Tiket dengan benda lain yang bernilai sama atau serupa, sama ada dengan syarat atau dengan tanpa sebarang syarat. Dalam keadaan sedemikian, Penganjur tidak akan menanggung dan/atau bertanggungjawab dalam apa jua cara sekalipun untuk sebarang bentuk tuntutan dan/atau liabiliti yang timbul sama ada secara langsung, tidak langsung atau sebaliknya.
8. Stadium dan kawasan sekitarnya adalah zon bebas dari dadah. Dadah adalah dilarang sama sekali untuk dibawa masuk ke stadium dan kawasan sekitarnya.

B. JADUAL PERLAWANAN

- Penganjur berhak untuk membatalkan atau menukar aktiviti dan masa di jadual tersebut.

Perlawanan	Tarikh
Perlawanan Awal (Acara Tertutup)	14 November – 15 November 2022
Separuh Akhir (Acara Tertutup)	16 November 2022
PERLAWANAN AKHIR (Penyertaan Tiket)	17 November 2022

C. JADUAL PERLAWANAN AKHIR

- Penganjur memelihara hak untuk membatalkan atau menukar aktiviti dan masa di jadual tersebut.
- 17 November 2022:

AKTIVITI	MASA
Daftar masuk dan pendaftaran Siaran langsung bermula	03:00pm - 03:30pm
Majlis Perasmian Choco More, Bola More	03:30pm - 03:50pm
Bacaan Doa dari Ustaz	03:50pm - 04:00pm
Perlawanan persahabatan Zero FC vs. Stadium Kelantan FC	04:00pm - 04:55pm
Temuduga pemain Sorotan Perlawanan	04:55pm - 05:15pm
Perlawanan Akhir	05:15pm - 06:30pm
Majlis Anugerah	06:30pm - 06:45pm

D. TIKET

1. Semua Tiket telah ditetapkan pada RM 2.00 sahaja. Hanya Pemegang Tiket boleh memasuki tempat perlawanan pada hari dan masa yang ditetapkan.
2. Tiket akan dijual di laman (www.ticket2u.com) ("Laman") dan diberikan dalam bentuk elektronik sahaja.
3. Pembeli Tiket ("Pembeli Tiket") dan Pemegang Tiket mestilah warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas. Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun mesti ditemani oleh orang dewasa atau penjaga yang sah.
4. Pemegang Tiket mesti memaparkan Tiket elektronik ini pada pintu kemasukan yang ditetapkan untuk tujuan pengesahan. Tiket yang tidak sah, tidak dapat dibaca, rosak dan palsu akan tidak dibenarkan untuk masuk dan Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang cetakan yang tidak dibenarkan pada Tiket.

Tiket sedemikian akan dirampas dan tiada tuntutan boleh dibuat terhadap Penganjur oleh Pemegang Tiket.

5. Tiket tidak boleh dijual semula, tidak boleh dipindah milik, dan tidak boleh dibatalkan, tidak boleh ditukar atau tidak boleh ditebus balik untuk tunai dalam apa jua keadaan. Tiket dijual semula atau dipindahkan untuk keuntungan atau faedah komersil (termasuk sebagai promosi atau hadiah) tanpa kebenaran Penganjur akan menjadi tidak sah dan Pemegang Tiket tidak akan dibenarkan untuk memasuki tempat acara tersebut. Tiket yang di mana pembeliannya atau pembayarannya dipertikaikan atas sebarang sebab akan dibatalkan dan Pemegang Tiket perlu membeli Tiket baharu pada harga semasa itu untuk memasuki tempat acara tersebut.
6. Mana-mana Tiket yang hilang atau dicuri tidak akan diganti atau dikeluarkan semula oleh Penganjur.
7. Pemegang Tiket mesti menyimpan pengesahan tempahan sebagai bukti pembelian.
8. Pemegang Tiket bersetuju untuk bekerjasama dengan memberikan bukti identiti, dan membenarkan pemeriksaan yang munasabah untuk barang peribadi, barang larangan boleh dirampas dan/atau pemeriksaan badan, jika diminta.
9. Harga Tiket RM2 adalah termasuk yuran tiket dan caj tempahan.
10. Pemegang Tiket mengakui dan menerima bahawa perlawanan bola sepak adalah acara berisiko tinggi. Oleh itu, Pemegang Tiket bersetuju untuk menerima semua risiko dan bahaya yang terlibat dalam menghadiri perlawanan bola sepak.
11. Pemegang Tiket bersetuju untuk tidak mengambil sebarang tindakan, atau menyebabkan orang lain untuk mengambil tindakan, terhadap Penganjur dan/atau tempat acara perlawanan. Pemegang Tiket bersetuju dengan terma yang ditetapkan dalam Tiket ini dan syarat-syarat yang dipaparkan di pintu masuk stadium.

E. PEMBELIAN TIKET

1. Pembeli Tiket dikehendaki untuk memberikan butiran peribadi termasuk nama penuh, nombor IC, alamat e-mel dan nombor telefon untuk proses pembelian.
2. Proses Pembelian Tiket:
Langkah1: Pemegang Tiket perlu mengisi maklumat peribadi dalam Laman dengan e-mel berdaftar yang sah.

Langkah 2: Buat pembayaran melalui perbankan laman/kad kredit/kad debit.

Langkah 3: Setelah pembayaran siap dibayar, e-tiket akan dihantar ke e-mel berdaftar Pembeli Tiket.
3. Pembeli Tiket dan Pemegang Tiket bertanggungjawab untuk memastikan butiran maklumat peribadi yang diberikan semasa pembelian adalah betul dan terkini.

4. E-Tiket akan dihantar ke e-mel berdaftar Pemegang Tiket jika transaksi pembelian tiket berjaya.
5. Satu akaun e-mel yang berdaftar hanya boleh membeli 10 tiket sahaja.

F. HUBUNGI

- Extra Ordinary Events Sdn Bhd merupakan agensi yang dilantik oleh Penganjur dalam acara ini. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Max Chung di talian +6014 9985990.

G. LANGKAH & SYARAT KESELAMATAN COVID-19

1. Untuk tujuan mengurangkan penularan Covid-19, garis panduan dan langkah berikut akan dilaksanakan.
2. Pemakaian topeng muka untuk sepanjang masa adalah diwajibkan di tempat acara sehingga garis panduan tersebut dilonggarkan oleh Kerajaan. Polisi yang dilaksanakan ialah Tiada Topeng Muka, Tidak Boleh Masuk.
3. Ketibaan awal di tempat acara tersebut adalah sentiasa digalakkan untuk proses kemasukan yang selamat dan lancar.
4. Pembersihan secara bertetapan untuk ruang awam dan tempat bersentuhan akan dijalankan sepanjang masa persembahan.
5. Pemegang Tiket akan dikehendaki untuk menjarakkan diri dari orang lain seboleh mungkin semasa berada di tempat acara.
6. Pemegang Tiket perlu mempertimbangkan keadaan kesihatan mereka sebelum tiba di tempat acara Perlawanan Akhir. Jika Pemegang Tiket telah diuji positif Covid, dalam kuarantin untuk Covid-19 atau pernah berhubung rapat dengan orang yang positif Covid-19, atau menunjukkan simptom Covid-19, sila mengelakkan untuk datang ke tempat acara tersebut.
7. Hubungi Bahagian Sokongan Tiket dan Khidmat Pelanggan pihak Penganjur untuk bantuan lanjut jika suspek yang menunjukkan gejala dikesan di tempat acara. Pemegang Tiket yang disyaki hendak melawat stesen perubatan untuk penilaian lanjut sebelum dibenarkan masuk.
8. Penganjur berhak untuk menyemak Status MySejahtera untuk isu keselamatan jikalau perlu.